

# DICOGESIC TABLET

Dihydrocodeine tartrate (30mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dicogesic Tablet
2. Bagaimana Dicogesic Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Dicogesic Tablet
4. Cara menggunakan Dicogesic Tablet
5. Semasa menggunakan Dicogesic Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Dicogesic Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dicogesic Tablet

Dicogesic Tablet digunakan untuk melegakan kesakitan jenis ringan hingga sederhana termasuk sakit *sciatica* (sakit saraf kaki / belakang), sendi dan sakit tulang (osteoarthritis, artritis reumatoïd dan artritis tulang belakang) sakit saraf (neuralgia pasca herpes), sakit berikut saluran darah penyakit (penyakit vaskular periferal), sakit disebabkan oleh pertumbuhan yang tidak normal pada tulang (penyakit Paget), sakit akibat barah atau selepas operasi. Ia digunakan dalam semua keadaan yang menyakitkan di mana anda perlu berjaga-jaga, tidak seperti morfin ia tidak memberi kesan hipnosis.

Tablet Dicogesic juga telah digunakan sebagai penahan batuk.

## Bagaimana Dicogesic Tablet berfungsi

Dicogesic Tablet mengandungi bahan aktif dihydrocodeine tartrate yang tergolong di dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai analgesik narkotik. Ia membantu melegakan kesakitan dengan bertindak pada sistem saraf pusat dan otot licin.

## Sebelum menggunakan Dicogesic Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Dicogesic Tablet dan maklumkan kepada doktor anda jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap ubat dihydrocodeine atau sebarang bahan kandungannya.
- mengalami kesukaran untuk bernafas, atau penyakit paru-paru yang kronik.
- mengalami kecederaan di kepala atau terdapat peningkatan tekanan di dalam tengkorak (boleh menyebabkan mata rasa sakit, penglihatan berubah atau sakit kepala di belakang mata)
- mengalami serangan asma
- ketagihan alkohol akut

### - Sebelum mula mengambil

Anda harus memaklumkan kepada doktor jika anda mengalami:

- masalah hati

Penggunaan dos yang tinggi untuk jangka masa panjang mungkin akan menyebabkan kebergantungan ubat.

## Kehamilan dan Penyusuan Bayi

Sila berjuma dengan doktor sebelum bermula menggunakan Dicogesic tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbangkan risiko anda mengambil Dicogesic tablet terhadap manfaat ia mempunyai untuk anda

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi.

- sesetengah ubat dan Dicogesic tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain

## Cara menggunakan Dicogesic Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa untuk dewasa adalah sebiji tablet diambil pada setiap 4 hingga 6 jam atau mengikut arahan doktor anda. Penggunaannya tidak disyorkan dikalangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah.

Jangan berhenti mengambil ubat atau menukar sukanan dos anda tanpa pengetahuan doktor anda.

### - Bagaimana untuk mengambil

Telan tablet Dicogesic Tablet dengan segelas air, semasa atau selepas makan.

### - Berapa lama perlu mengambil

Jangan mengambil ubat ini dalam jangkamasa yang lebih panjang daripada yang diarahkan oleh doktor anda. Pengambilan Dicogesic Tablet yang kerap untuk jangka masa yang panjang boleh membawa kepada ketagihan.

### - Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya perlu diambil atau sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan gandakan dos anda sekiranya anda terlupa mengambil dos yang sebelumnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil Dicogesic Tablet secara berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan depresi respiratori.

### Semasa menggunakan Dicogesic Tablet

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor, jika anda telah hamil ketika mengambil Dicogesic Tablet.

Sebelum mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Dicogesic Tablet.

Jika sakit anda tidak teruk dan anda merasakan bahawa anda tidak perlu mengambil Dicogesic Tablet seperti yang telah doktor anda arahkan, berjumalah dengan doktor anda.

Maklumkan kepada doktor jika sakit anda bertambah teruk. Jangan ambil dos tambahan tanpa pengetahuan doktor anda.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol ketika mengambil tablet Dicogesic Tablet. Jangan beri Dicogesic Tablet kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna Dicogesic Tablet untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian:

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Dicogesic tablet terhadap anda.

### Kesan-sesan sampingan

Maklumkan kepada doktor dengan segera jika anda mengalami sebarang masalah ketika mengambil Dicogesic Tablet, walaupun jika anda fikir ia tidak berkaitan dengan ubat atau tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Seperti ubat-ubatan yang lain, Dicogesic Tablet juga mempunyai kesan-sesan sampingan walaupun tidak semua akan mengalaminya. Laporkan kepada doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan walaupun yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan-sesan sampingan yang berikut atau kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas:

- sembelit
- loya dan pening
- sindrom abstinens, potensi ketagihan yang sangat rendah

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers – Reporting*).

### Penyimpanan dan pelupusan Dicogesic Tablet

#### - Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 25°C.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dicogesic Tablet, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna

Tablet bulat berwarna hijau epal, diameter 7 mm dengan gambar ‘bunga’ dan tanda ‘d’ pada permukaannya.

#### - Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Setiap tablet mengandungi dihydrocodeine tartrate 30 mg.

Bahan Tidak Aktif:

- promigel
- brilliant Blue
- lactose
- aerosil
- quinolline Yellow
- cornstarch
- polyvinylpyrrolidone
- magnesium Stearate

#### - Nombor MAL:

MAL19950294AZ

### Pengilang

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)**

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### Pemegang Pendaftaran Produk

**DUOPHARMA (M) SDN. BHD.  
(42491-M)**

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### Tarikh kemaskini RiMUP

04/08/2015

### Nombor siri

BPFK(R4/1)250815/00280